0152

U  B569 AAB

MAHATHIR - KEADAAN Q Q Q

I

KUALA LUMPUR, 19 JAN. (BERNAMA) -- KEADAAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TERUS STABIL DAN MEMUASKAN, KATA PENGARAH HOSPITAL BESAR DI SINI DATUK DR C.G.A.FONSEKA HARI INI.

+BELIAU SEDANG BERIHAT DENGAN SELESA DAN PARA DOKTOR BELIAU AMAT BERPUASHARI DENGAN KEADAANNYA,+ KATANYA DALAM SATU KENYATAAN.

PERDANA MENTERI TELAH DIMASUKKAN KE HOSPITAL PADA KIRA-KIRA PUKUL 1 PAGI KELMARIN, SELEPAS MENGADU SAKIT DADA.

DATUK DR FONSEKA BERKATA UJIAN-UJIAN MENUNJUKKAN KESAKITAN YANG DIALAMI OLEH PERDANA MENTERI +DISEBABKAN OLEH ISCHAEMIA KECIL BAHAGIAN HADAPAN OTOT JANTUNG.+

MENURUT KAMUS COLLINS ENGLISH DICTIONARY, ISCHAEMIA IALAH BEKALAN DARAH YANG TIDAK CUKUP KE SESUATU ORGAN ATAU BAHAGIAN SEPERTI DISEBABKAN SEKATAN PENGALIRAN DARAH.

+BELIAU DIJANGKA TERUS TINGGAL DI HOSPITAL UNTUK SELAMA KIRA-KIRA DUA MINGGU,+ KATA PENGARAH HOSPITAL ITU. -- BERNAMA

1233MRT 19 01 89